

MINGGU 03

RUKUN HAJI:


NIAT IHRAM, WUQUF & TAWAF



*Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan kemaburran*

TALBIAH: LAFAZ & MAKNA

لَبَيْكَ اللَّهُمَّ لَبَيْكَ لَبَيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَيْكَ
إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ



HambaMu datang menyahut panggilanMu ya Allah.
HambaMu datang menyahut panggilanMu.
HambaMu datang menyahut panggilanMu.
Tuhan yang tiada sekutu bagiMu.
HambaMu datang menyahut panggilanMu.
Sesungguhnya segala puji dan nikmat dan kerajaan
adalah kepunyaanMu, tiada sekutu bagiMu.

OBJEKTIF

1

Membezakan rukun dan wajib haji.

2

Menjelaskan tentang niat ihram, pengertian miqat dan cara pemakaian ihram.

3

Menjelaskan maksud wuquf di ‘Arafah dan syarat-syarat sah wuquf.

4

Menjelaskan tentang Tawaf, syarat sah dan cara melaksanakannya.



KANDUNGAN

01

Pengertian Rukun Haji dan Wajib Haji

02

Rukun 1: Niat Ihram Haji

- Miqat (Zamani & Makani)
- Pemakaian Ihram

03

Rukun 2: Wuquf di 'Arafah

- Pengertian, Waktu dan Syarat Sah Wuquf
- Amalan Sunat Ketika Wuquf

04

Rukun 3: Tawaf

- Pengertian, Jenis dan Syarat Sah
- Amalan Sunat Ketika Tawaf




MINGGU

03

RUKUN HAJI: NIAT IHRAM, WUQUF & TAWAF

PENGERTIAN RUKUN HAJI

- Rukun Haji ialah pekerjaan yang mesti dilakukan oleh jemaah haji ketika mengerjakan haji.
- Jika tidak ditunaikan, haji seseorang **tidak sah** dan masih tertakluk dengan larangan ihram.



TABUNG HAJI
جى على الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

RUKUN HAJI ADA ENAM (6)



TABUNG HAJI
جى على الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

MINGGU

03

RUKUN HAJI: NIAT IHRAM, WUQUF & TAWAF

PENGERTIAN WAJIB HAJI

- 
- ▶ Wajib haji ialah pekerjaan yang wajib dilakukan ketika mengerjakan haji.
 - ▶ Jika **tidak** mengerjakan salah satu daripadanya **haji tersebut tetap sah tetapi dikenakan dam** menurut syarat-syaratnya dan menanggung dosa jika meninggalkan perkara tersebut dengan sengaja.



TABUNG HAJI
جى على الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

WAJIB-WAJIB HAJI

WAJIB HAJI ADA ENAM (6)

Niat ihram di Miqat*

Bermalam (mabit)
di Muzdalifah

Bermalam (mabit) di Mina
pada 11, 12 & 13 Zulhijjah

Meninggalkan perkara
larangan dalam masa ihram

Melontor Jamrat Kubra
pada 10 Zulhijjah

Melontar ketiga-tiga
Jamrat pada Hari Tasyriq

*Niat Ihram hendaklah di Miqat atau sebelumnya.
Peringatan : Setelah Niat Ihram mestilah jaga larangan dalam ihram





RUKUN HAJI PERTAMA: NIAT IHRAM HAJI

MIQAT ZAMANI (HAJI)

Miqat Zamani bagi Haji ialah bermula:

- 1 Syawal hingga sebelum terbit fajar hari yang ke 10 Zulhijjah. Inilah yang dinamakan bulan-bulan Haji.
- Tidak sah ihram Haji jika dilakukan di luar bulan Haji sebaliknya akan terjadi ihram umrah




Sebelum
terbit fajar
10 Zulhijjah

MINGGU
03

RUKUN HAJI: NIAT IHRAM, WUQUF & TAWAF

MIQAT TEMPAT (MAKANI)



MINGGU

03

RUKUN HAJI: NIAT IHRAM, WUQUF & TAWAF

IHRAM



NOTA

Jemaah Haji lelaki wajib memakai pakaian ihram sebelum berniat ihram di Miqat. Tiada pakaian ihram khusus bagi jemaah wanita.

IHRAM LELAKI



IHRAM LELAKI SECARA IDTIBA' (menampakkan bahu kanan)

- ▶ Hanya sunat dipakai semasa Tawaf yang diiringi dengan Sa'ie sahaja atau semasa Sa'ie sahaja
- ▶ Tidak disunatkan beridtiba' semasa di lokasi lain seperti stesen berlepas dan sebagainya
- ▶ Begitu juga ketika solat, elak daripada beridtiba'

MINGGU

03

RUKUN HAJI: NIAT IHRAM, WUQUF & TAWAF

PAKAIAN IHRAM - LELAKI

IHRAM
LELAKI
TANPA
IDTIBA'



Contoh-contoh selipar/sandal
yang dibenarkan



TABUNG HAJI
جى على الفلاح



Tabung Haji




www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

IHRAM WANITA



- ◆ Elak daripada bersolek tanpa keperluan bagi mengelakkan fitnah dan riak.
- ◆ Pastikan aurat dijaga.
- ◆ Pakai kain telekung dan pakaian yang bersesuaian agar tidak menampakkan bentuk badan/aurat.
- ◆ Disyorkan memakai stokin tebal dan panjang supaya tidak menampakkan aurat.
- ◆ Elak memakai cermin mata yang besar sehingga menutup muka.
- ◆ Sekiranya memakai pakaian berwarna putih, pastikan ia tidak jarang.

SUNAT IHRAM

AMALAN SUNAT SEBELUM NIAT IHRAM

- Mengerat kuku
- Merapikan misai dan rambut
- Menanggalkan bulu ketiak, ari-ari dan sebagainya
- Memakai minyak rambut
- Mandi sunat ihram
- Berwuduk
- Memakai kain ihram berwarna putih
- Solat sunat ihram

AMALAN SUNAT SEMASA NIAT IHRAM

- Mengadap ke arah kiblat
- Berada dalam keadaan wuduk

AMALAN SUNAT SELEPAS BERNIAT IHRAM

- Bertalbiah, berdoa, membaca Al-Quran, zikir
- Tidak berbual kosong (lagha)



RUKUN HAJI

NOTA

- Jemaah Haji yang melakukan Haji Tamattu' akan berniat ihram Haji di bangunan penginapan di Makkah pada 8 Zulhijjah (Hari Tarwiyyah) sebelum bertolak ke 'Arafah.

- Jemaah Haji yang telah berniat Haji Ifrad/Qiran ketika masuk ke Makkah (Qarn al-Manazil/Bi'r Ali), tidak perlu mengulangi niat pada 8 Zulhijjah







RUKUN HAJI KEDUA: WUQUF DI 'ARAFAH

WUQUF DI 'ARAFAH

Berada di 'Arafah walaupun seketika dalam sebarang keadaan seperti duduk berbaring atau tidur dalam tempoh yang bermula daripada gelincir matahari (masuk waktu Zuhur) 9 Zulhijjah sehingga seketika sebelum terbit fajar (masuk waktu Subuh) 10 Zulhijjah.



Gelincir Matahari (masuk waktu Zuhur) 9 Zulhijjah



Sebelum Terbit Fajar (masuk waktu Subuh) 10 Zulhijjah

LOKASI MASYA'IR



TABUNG HAJI
حي على الفلاح

MINGGU
03

RUKUN HAJI: NIAT IHRAM, WUQUF & TAWAF

KHEMAH DI 'ARAFAH



TABUNG HAJI
جى على الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

MINGGU
03

RUKUN HAJI: NIAT IHRAM, WUQUF & TAWAF

'ARAFAH

Sabda Nabi Muhammad S.A.W:



Maksudnya: Haji itu 'Arafah
- [Riwayat al-Tirmizi (814)]

Wuquf di 'Arafah merupakan tiang haji dan rukun yang terpenting. Barangsiapa meninggalkannya, maka tiada haji baginya.



TABUNG HAJI
جى على الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

MINGGU

03

RUKUN HAJI: NIAT IHRAM, WUQUF & TAWAF

WAKTU WUQUF



Bermula daripada gelincir matahari
(masuk waktu Zuhur) 9 Zulhijjah.



Sehingga seketika sebelum terbit fajar
(masuk waktu Subuh) 10 Zulhijjah.

WAKTU AFDHAL
WUQUF

Berwuqf sebahagian daripada siang 9 Zulhijjah
dan sebahagian daripada malam 10 Zulhijjah

NOTA

Pertukaran hari dalam Islam bermula masuk waktu Mahgrib.

SYARAT SAH WUQUF

- Telah berihram dengan niat haji
- Dalam keadaan seorang yang layak menunaikan ibadat (tidak gila, pengsan, mabuk dan hilang akal sepanjang masa wuquf)
- Berada di 'Arafah walau seketika dalam waktu wuquf


MINGGU
03

RUKUN HAJI: NIAT IHRAM, WUQUF & TAWAF

AMALAN SUNAT WUQUF



Bertalbiah



Membaca
al-Quran




Tidak
berpuasa



Berwuduk



Mendirikan solat
berjemaah



Memberi tumpuan
sepenuh hati semasa
mengerjakan ibadat
wuquf



Berdoa, berselawat,
beristighfar & berzikir

RUKUN HAJI KETIGA: TAWAF



TABUNG HAJI
حی على الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my




+603-6207 1919

MINGGU
03

RUKUN HAJI: NIAT IHRAM, WUQUF & TAWAF

RUKUN HAJI KETIGA: TAWAF




Mengelilingi Ka'bah sebanyak tujuh (7) pusingan bermula dari sudut Hajarul Aswad & berakhir pada sudut yang sama menurut syarat-syaratnya.

MINGGU
03

RUKUN HAJI: NIAT IHRAM, WUQUF & TAWAF

JENIS-JENIS TAWAF



TABUNG HAJI
جىء على الفلاح

HUKUM NIAT TAWAF

1. **Wajib** berniat tawaf bagi tawaf berikut:

Tawaf
Sunat

Tawaf
Wada'

Tawaf
Nazar

Tawaf Tahiyat
al-Bait

Tawaf Qudum
(bagi jemaah yang
ziarah sahaja)

2. **Sunat** berniat Tawaf bagi Tawaf Umrah dan Tawaf Haji. **Sunat** berniat Tawaf Qudum (bagi jemaah Haji Ifrad dan Qiran)

3. Contoh Lafaz Niat Tawaf Umrah:

اللَّهُمَّ إِنِّي أُرِيدُ طَوَافَ بَيْتِكَ الْحَرَامَ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ طَوَافَ الْعُمْرَةِ لِلَّهِ تَعَالَى

“Ya Allah aku hendak Tawaf Baitullah al-Haram tujuh keliling Tawaf...
(yang berkaitan) maka permudah dan terimalah daripadaku kerana Allah”



SYARAT-SYARAT SAH TAWAF

Menutup aurat

Cukup 7 pusingan dengan yakin.

Mengekalkan niat tawaf

Dilakukan dalam Masjidil Haram dan di luar Ka'bah termasuk Hijr Ismail dan Syazarwan



Menjadikan Baitullah di sebelah kiri dan berjalan ke hadapan

Suci daripada hadas besar dan kecil

Suci badan/pakaian /tempat tawaf daripada najis

Bermula dan berakhir pada sudut Hajarul Aswad dan berniat Tawaf jika Tawaf Wada'/Sunat/Nazar/Qudum

SYARAT-SYARAT SAH TAWAF

1

Menutup aurat (bagi lelaki)



- ▶ Aurat bagi lelaki adalah antara pusat hingga lutut.
- ▶ Sunat beridtiba'.




SYARAT-SYARAT SAH TAWAF

1

Menutup aurat (bagi wanita)

- ▶ Had aurat wanita: Seluruh tubuh badan kecuali muka dan tapak tangan hadapan dan belakang.
- ▶ Mengambil berat perkara berikut:
 - Menjaga aurat di bawah dagu
 - Tidak menampakkan pergelangan tangan
 - Tidak memakai stokin nipis
 - Tidak kelihatan anak rambut di kawasan muka/telinga sekiranya memakai cermin mata



SYARAT-SYARAT SAH TAWAF

2

Suci daripada hadas besar dan kecil

- Isu berbangkit : Wuduk semasa di tanah suci.
- Hukum asal:
Bersentuhan lelaki dengan perempuan yang halal nikah tanpa lapik batal wuduk.



MINGGU

03

RUKUN HAJI: NIAT IHRAM, WUQUF & TAWAF

SYARAT-SYARAT SAH TAWAF

//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI

Oleh itu boleh beralih dari pendapat Syafi'e masyhur kepada pendapat Syafi'e yang marjuh iaitu tidak batal wuduk jika berlaku persentuhan lelaki dan perempuan tanpa syahwat dalam *masyaqqah* dan *hajah* seperti kesesakan di tempat Tawaf dan lainnya.

*RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-21 dan 22.

SYARAT-SYARAT SAH TAWAF

2

Resolusi MHPK ke-21 dan ke-22 diguna pakai ketika:

Bermula dari keluar bangunan penginapan seterusnya

➤ **hingga ketika di dalam Masjidil Haram atau Masjid Nabawi.**

Ketika berada dalam keadaan *Masyaqqah* seperti menaiki pesawat atau bas sepanjang tempoh mengerjakan

➤ **haji/umrah sahaja.**

NOTA

Sah diguna pakai untuk tawaf dan sebagainya selagi wuduk tidak terbatal mengikut Mazhab Syafi'e. Contohnya, seperti keluar angin daripada qubul atau dubur.



SYARAT-SYARAT SAH TAWAF


3

Suci badan/pakaian/tempat tawaf daripada najis

NOTA

Jemaah Haji hendaklah berhati-hati dengan najis yang terdapat pada:

- ▶ Selipar yang dibawa bersama semasa Tawaf
- ▶ Anak kecil yang didukung
- ▶ Pakaian
- ▶ Tahi burung yang jelas najisnya, jatuh semasa Tawaf



SYARAT-SYARAT SAH TAWAF

4 Bermula dan berakhir pada sudut Hajarul Aswad dan wajib berniat Tawaf jika Tawaf Wada' / Sunat / Nazar / Qudum (Ziarah).

MINGGU
03

RUKUN HAJI: NIAT IHRAM, WUQUF & TAWAF


SYARAT-SYARAT SAH TAWAF

5

Menjadikan Baitullah di sebelah kiri dan berjalan ke hadapan.




SYARAT-SYARAT SAH TAWAF



6 Dilakukan dalam Masjidil Haram dan di luar Ka'bah termasuk Hijir Ismail dan Syazarwan.

Syazarwan ialah binaan tembok kecil yang terletak di bahagian dinding kaki Ka'bah.

SYARAT-SYARAT SAH TAWAF



- 7 Mengekalkan niat Tawaf.
- 8 Cukup 7 pusingan dengan yakin.

AMALAN SUNAT KETIKA TAWAF



KESIMPULAN

01

Niat ihram haji adalah rukun pertama yang perlu dilakukan pada masa dan tempatnya yang tertentu (miqat).

02

Lelaki wajib memakai pakaian ihram sebelum bermiat ihram.

Wuquf di ‘Arafah adalah kemuncak ibadat haji yang mempunyai masa dan lokasi yang ditetapkan.

03

Tawaf mempunyai syarat-syarat tertentu yang perlu dilakukan dengan betul supaya ianya sah menurut syarak.

04



Belajar Haji kini lebih mudah secara dalam talian!

Muat turun aplikasi e-Bimbingan Haji melalui:



TABUNG HAJI
جى على الفلاح



Tabung Haji




www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919




Belajar Haji kini lebih mudah secara dalam talian! e-Bimbingan Haji



01

Pilih
Login kali pertama?
Log masuk kali pertama?


02



03

Klik
Butang Hantar
Hantar

04



05

Klik
Butang Kemaskini
Kemaskini

Muat turun aplikasi e-Bimbingan Haji melalui:



TABUNG HAJI
جى عل الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

Hadirku sebagai Dhuyufurrahman Kembaliku dengan Kemabruran

SEMOGA SEMUA BAKAL JEMAAH HAJI YANG DIKASIHI
DIBERIKAN OLEH ALLAH S.W.T

**KESABARAN & KETENANGAN
SERTA DIDOAKAN MENDAPAT SEBAIK-BAIK
GANJARAN**

Haji & Umrah Yang Mabrur



TABUNG HAJI
جى على الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919